#keterlibatan #kebersamaan

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Melaka

# e-BuletinUiTMCM Citra

| UiTM Cawangan Melaka

#MAC

eBuletinUiTMCM /21
Vol..03 -Mac 2021



## Setinggi-tinggi penghargaan & TERIMA KASIH

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada YBhg. Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr Mohd Azraai Kassim atas segala jasa dan sumbangan semasa menerajui Universiti Teknologi MARA.

Ikhlas daripada:
Rektor, Pengurusan Eksekutif dan
Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka

**Menarik bulan ini**

- Mesyuarat Staf Akademik Bil.1/2021
- Fenomena "Tecoma"
- Pendaftaran Pelajar secara fizikal sesi Mac-Jul 2021
- Sesi Perbincangan Meja Bulat dan Majlis Penyerahan MoU



(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

Universiti Teknologi MARA | Cawangan Melaka

*Citra* e-Buletin Rasmi Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
Terbitan Ketiga Mac 2021

Diterbitkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah Melaka

No. Tel : 06-5582000
No Faks : 06-5582001

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka terlebih dahulu.

**PENAFIAN :**
Sebarang maklumat yang terkandung dalam majalah ini merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis artikel. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan profesional sebelum mengikuti mana-mana maklumat dalam majalah ini. Pihak universiti, penerbit dan sidang redaksi tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang risiko atas kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

eISSN : 2785-8049
Perpustakaan Negara Malaysia
Majalah ini diterbitkan setiap bulan
©2021 Hakcipta Terpelihara

| UiTM Cawangan Melaka

# Isi Kandungan

## e-BuletinUiTMCM

| UiTMCM

**Pendahuluan**
Dari Meja Ketua Editor 7

**Program Universiti**

Lawatan Tapak Projek Desa Kelulut & Penanaman Pokok Manggis 10

Perjumpaan Kumpulan Entiti Kecemerlangan (PACAQ) bersama Unit Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) 11

Kunjung Hormat Ke Atas Yang Di-pertua Majlis Perbandaran Alor Gajah 12

Penghargaan Ke Atas YBhg. Datuk Naib Canselor 13

Mesyuarat Staf Akademik (MSA) UiTM Cawangan Melaka Bil. 01/2021 14

Majlis Perasmian Mini Galeri G.A.S (Galeri.Art.Shop) Serta Pameran Pensyarah Seni Halus, UiTM Melaka 15

Pendaftaran kolej pelajar lama UiTM Kampus Alor Gajah Semester Mac-Julai 2021 16

Travelog Filantropi Di Bumi Kemboja 17

Program Global Virtual Invention, Innovation And Design 2021 18

Majlis Pemakaian dan Kenaikan Pangkat Pegawai Kehormat Kesatria UiTM Cawangan Melaka 19

Sumbangan kepada Pelatih & Keluarga Pusat Dalam Komuniti (PDK) 20

Sesi Perbincangan Meja Bulat dan Majlis Penyerahan MoU 21

Kunjungan Hormat dan Lawatan Kerja ke Lembaga Zakat Negeri Kedah, Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), UUM dan Zakat Pulau Pinang 22

Sesi ke-2 pembentangan Projek Khas PACU 23

**Majlis Persaraan**

Mantan JKEN UiTM Cawangan Melaka sentiasa dalam ingatan 24

**Ucapan tahniah** 26-27

**Siri Bengkel & Webinar**

Sharing Session Invention and Innovation 2021 30
Bengkel 'How to Use Google Drive & Other Google Apps Efficiently' 31
Webinar Borak Accounting: 'Finding the Right Route' 32
Bengkel Pemantapan Seksyen Waqaf, Zakat dan Infaq 33
Jenayah Di Tempat Kerja 34
Poster Webinar 35

Center of Postgraduate Studies
Anugerah Sarjana Cemerlang (Asc) & Anugerah Pasca Siswazah Fakulti (APF) 36

KARISMA Virtual Edition 37
Musim bunga "Tecoma Tabebuia Rosea" 38

**Liputan / Artikel Media**

Gelembung Perjalanan Bantu Pelancongan Domestik 40
Berani Laksana Perubahan Demi Rapatkan Jurang Digital 40
Urus Teknologi Media Tangani Risiko Penyakit Mental 41
Jadilah Pelancong Bertanggungjawab, Patuhi Sop 41
Karya Seni Awam Mampu Tingkat Nilai, Imej Bandar 42
Wanita Mampu Mendepani Cabaran 42

#keterlibatan #kebersamaan

Sidang
# Redaksi
e-BuletinUiTMCM
| UiTMCM

Terbitan Mac 2021

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Melaka



**Penaung**
Prof Dr Abd Halim Mohd Noor



**Ketua Editor**
Akmal bin Adanan



**Penolong Ketua Editor**
Arif Imran bin Anuar Yatim



**Editor Buletin**
Azniza binti Hasan



**Editor Buletin**
Hasnor Zura binti Hashsim



**Editor Buletin**
Wendy Sharon Yapp binti Abdullah



**Editor Buletin**
Siti Fairuz Binti Abd Razak



**Editor Grafik**
Mohd Hanif bin Mohd Omar



**Editor Grafik**
Hail Jefri bin Rusli



**Isi kandungan**
Anwar Farhan bin Zolkeplay



**Isi kandungan**
Mohamad Asrol bin Arshad



**Isi kandungan**
Nur Hidayah binti Zaini



**Isi kandungan**
Norazimah binti Mat




**UiTMCM Telegram channel**

Dapatkan maklumat-maklumat Universiti dari Telegram rasmi

Sila imbas kod di atas untuk ke **"Channel STAF UiTMCM"**

Sila imbas kod di atas untuk ke **"Channel PELAJAR UiTMCM"**

Dari Meja

# KETUA EDITOR



Dari Meja Ketua Editor,

Assalamualaikum WBT dan Salam sejahtera. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan keizinan-Nya dapat kami menerbitkan e-Buletin **Citra** - Vol.3 UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) bagi bulan Mac 2021 ini.

e-Buletin edisi kali ini melaporkan program-program universiti antaranya mesyuarat akademik, majlis perasmian, kunjung hormat ke agensi kerajaan, lawatan Penolong Naib Canselor Strategik UiTM ke kampus dan siri latihan / webinar.

Pada bulan ini kampus menerima kemasukan pelajar bagi memulakan sesi pembelajaran Semester Mac 2021. Semoga pensyarah dan pelajar dapat mengharungi "Open Distance Learning" dengan lancar.

Warga UiTMCM juga menyampaikan ucapan terima kasih kepada Profesor Emeritus Datuk Ir Dr Mohd Azraai Kassim yang telah menamatkan tugas beliau sebagai Naib Canselor UiTM pada 10 Mac 2021.

Ucapan tahniah juga diucapkan kepada Tuan Yang Terutama Yun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam atas lantikan sebagai Canselor Kolej Universiti Islam Melaka.

Sekian, terima kasih.

**Akmal Adanan**
Ketua Unit Komunikasi Korporat

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

# Program-program Universiti

Program Universiti

# Lawatan Tapak Projek Desa Kelulut & Penanaman Pokok Manggis



ALOR GAJAH, 04 Mac 2021 - Telah berlangsung Lawatan Tapak Projek Desa Kelulut oleh Prof. Ir. Dr. Hj. Abdul Rahman Omar, Penolong Naib Canselor Strategik UiTM pada pagi ini bertempat di Tapak Projek WaDI, UiTM Kampus Alor Gajah.



Dalam program yang sama, Prof. Ir. Dr. Hj. Abdul Rahman, bersama Barisan Jawatankuasa Eksekutif UiTM Negeri (JKEN) dan Ketua-ketua Pusat Pengajian (KPP) menanam pokok manggis bersama YBhg. Rektor, Prof. Dr. Abd Halim Mohd Noor.



UiTM Cawangan Melaka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Prof. Ir. Dr. Hj. Abdul Rahman dan semua yang terlibat bagi memeriahkan majlis ini.

# Sesi Perjumpaan Kumpulan Entiti Kecemerlangan Public Art Creative Aesthetic & Quality (PACAQ) bersama Unit Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG)



ALOR GAJAH, 05 Mac 2021 - Telah berlangsung Sesi Perjumpaan Kumpulan Entiti Kecemerlangan Public Art Creative Aesthetic & Quality (PACAQ) bersama Unit Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) pada pagi ini. Perbincangan dijalankan adalah berkenaan kerjasama dan cadangan Memorandum Persefahaman (MoU) antara MPAG-UiTMCM/PACAQ. Terima kasih diucapkan kepada Puan Nurul Adawaty binti Hj Ismail, Pengarah Perancang Bandar, Jabatan Perancangan serta pegawai atas kesudian menerima kumpulan PACAQ serta mempengerusikan perjumpaan.

# Kunjung hormat ke atas Yang Di-Pertua Majlis Perbandaran Alor Gajah







ALOR GAJAH, 08 Mac 2021 - Sesi Kunjung Hormat YBhg. Rektor, Profesor Dr. Abd Halim Mohd Noor ke atas YBhg. Tuan Mohd Fadhil Bin Hassan, Yang Di-Pertua Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) berlangsung sebentar tadi di Pejabat MPAG.

Turut bersama dalam sesi ini ialah ahli Kumpulan Entiti Kecemerlangan Public Art Creative Aesthetic & Quality (PACAQ) iaitu Prof Madya Dr. Azahar Harun, Dr. Sharmiza Abu Hassan, En. Soo Yew Phong, Koordinator ICAN, dan En. Mohd Hanif Mohd Omar, Penyelaras Unit Komunikasi Korporat. Terima kasih diucapkan kepada MPAG khususnya YDP serta para pegawai atas kesudian menerima kunjungan hormat UiTMCM pada hari ini.

# Penghargaan ke atas YBhg. Datuk Naib Canselor




Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr Mohd Azraai Kassim atas segala jasa dan sumbangan semasa menerajui Universiti Teknologi MARA.




YBhg. Rektor, Profesor Dr Abd Halim Mohd Noor menyampaikan TEJA Batik Eksklusif UiTMCM sebagai cenderamata tanda kenang-kenangan istimewa daripada seluruh warga UiTM Cawangan Melaka. Semoga sentiasa di dalam rahmat Allah SWT.

Program Universiti

# Mesyuarat Staf Akademik (MSA) UiTM Cawangan Melaka Bil. 01/2021









ALOR GAJAH, 12 Mac 2021 - Telah berlangsung Mesyuarat Staf Akademik (MSA) UiTM Cawangan Melaka Bil. 01/2021 dipengerusikan oleh YBhg. Rektor, Profesor Dr Abd Halim Mohd Noor bertempat di Dewan Taming Sari, UiTM Kampus Alor Gajah. Mesyuarat membincangkan hala tuju akademik serta pemakluman berkenaan penyelidikan, jaringan industri, dan program - program yang telah dirancang pada tahun 2021. Turut hadir, Barisan Pengurusan Eksekutif Universiti. Tahniah juga diucapkan kepada Penerima - penerima Anugerah Akademik Universiti 2020 UiTM Cawangan Melaka :

1) Anugerah Penerbitan Makalah/Jurnal 2020 - Dr. Nur Hayati Abd Rahman, Fakulti Pengurusan & Perniagaan.

2) Anugerah Seni & Kreativiti 2020 - En. Mohd Shaharudin Sabu, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka.

3) Anugerah Kepimpinan Akademik 2020 - Dr. Ahmad Fadhly Arham, Fakulti Pengurusan & Perniagaan.

4) Anugerah Penyelidik Terbaik 2020 - Prof. Ts. Dr. Shafinar Ismail, Fakulti Pengurusan & Perniagaan.

5) Anugerah Penulis Paling Prolifik 2020 - Dr. Hj. Abdul Rahim Hj. Ridzuan, Fakulti Pengurusan & Perniagaan.

6) Anugerah Penyelia Terbaik 2020 - Prof. Ts. Dr. Shafinar Ismail, Fakulti Pengurusan & Perniagaan.

7) Anugerah E-pembelajaran 2020 - En. Mohamad Idham Md. Razak, Fakulti Pengurusan & Perniagaan.

# Majlis Perasmian Mini Galeri G.A.S (Galeri.Art.Shop) Serta Pameran Pensyarah Seni Halus, UiTM Melaka



ALOR GAJAH, 15 Mac 2021 - Galeri Art Shop (G.A.S) dan Pameran Pensyarah Seni Halus, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR) UiTM Cawangan Melaka telah berjaya dirasmikan oleh YBhg. Rektor, Profesor Dr Abd Halim B. Mohd Noor. Program ini juga dipancarkan secara langsung di saluran YouTube & Facebook Rasmi UiTM Cawangan Melaka.

Para pensyarah Jabatan Seni Halus turut mempamerkan hasil karya mereka semasa perasmian diadakan. Ruang G.A.S ini dijadikan tempat pameran hasil karya pelajar dan pensyarah FSSR. Kewujudan ruang ini juga adalah sebagai satu platform keusahawanan seni di mana karya pelajar seperti cenderamata, lukisan, dan lain-lain produk dipamerkan untuk tujuan jualan.

Turut hadir Timbalan Rektor HEA, Prof. Madya Dr Ismadi Badaruddin, Ketua Pusat Pengajian Fakulti Seni Lukis & Senireka, Dr. Nadzri Bin Mohd Sharif dan para pensyarah.





# Pendaftaran kolej pelajar lama UiTM Kampus Alor Gajah Semester Mac-Julai 2021











Sekitar pendaftaran kolej pelajar lama UiTM Kampus Alor Gajah pagi tadi. Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) turut menyantuni staf bertugas serta keluarga yang menghantar pelajar bagi urusan pendaftaran.

# Travelog Filantropi Di Bumi Kemboja




Tahniah diucapkan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) atas kejayaan menerbitkan buku himpunan karya-karya kreatif bertemakan filantropi, kemanusiaan dan khidmat masyarakat di awal tahun 2021 ini.

Buku seumpama ini merupakan penerbitan julung-julung kali diterbitkan oleh ACIS, UiTM Melaka, dengan dua bentuk penerbitan, hard-copy dan e-book.

Lebih 30 karya kreatif pelbagai genre seperti sajak, puisi, syair, cerpen oleh peserta-peserta Jejak Kemboja 2019 berserta gambar-gambar yang dirakam oleh jurugambar, En Mohd Hanif Mohd Omar telah diabadikan di dalam buku travelog ini.

Selain pejabat Rektor UiTMCM, Perpustakaan UiTMCM, Perpustakaan Negara, dan pejabat Dekan ACIS UiTM Shah Alam, buku ini juga akan dikirimkan kepada pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Kemboja hasil kerjasama dalam program Disember 2019 yang lalu. Sekalung tahniah diucapkan kepada ketua editor dan barisan-barisan editor dari fakulti FSSR, peserta-peserta program Jejak Kemboja 2019, serta penyumbang -penyumbang karya kreatif atas kejayaan menerbitkan buku ini.





Program Universiti

# Program Global Virtual Invention, Innovation And Design 2021




MELAKA, 16 Mac 2021 - Simposium GVIIDS berjalan lancar dengan sesi 'Innovation Pitch Competition' secara langsung yang disertai oleh mahasiswa/i Universiti Teknologi MARA, Universitas Bina Nusantara, Universitas Kadiri dan Universitas Pendidikan Indonesia yang dijalankan secara maya.







# Majlis Pemakaian dan Kenaikan Pangkat Pegawai Kehormat Kesatria UiTM Cawangan Melaka











ALOR GAJAH, 22 Mac 2021 – Telah berlangsung Majlis Pemakaian dan Kenaikan Pangkat Pegawai Kehormat Kesatria UiTM Cawangan Melaka bertempat di bilik Mesyuarat Utama Kampus Alor Gajah anjuran Unit Kokurikulum UiTMCM.

# Sumbangan kepada Pelatih & Keluarga Pusat Dalam Komuniti (PDK)




ALOR GAJAH, 23 Mac 2021 - Bulan Sabit Merah Chapter UiTM Melaka dengan kerjasama Bulan Sabit Merah Negeri Melaka yang diwakili oleh Prof Madya Dr. S. Salahudin Suyurno selaku Timbalan Pengerusi bersama-sama ahli jawatankuasa telah menyalurkan sumbangan 40 pek berupa makanan asas kepada para pelatih dan keluarga di Pusat Dalam Komuniti (PDK), Seri Penyayang, Kelemak, Alor Gajah.



Inisiatif ini diambil agar dapat meringankan beban mereka yang terjejas pada musim pandemik Covid-19, selain dari sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR) Bulan Sabit Merah terhadap komuniti setempat. Pihak Bulan Sabit Merah Chapter UiTM Melaka berharap program sebegini dapat diteruskan lagi dengan mendekati golongan sasar dalam skala lebih luas supaya lebih ramai yang akan menerima manfaat dalam waktu yang mencabar ketika ini.



# Sesi Perbincangan Meja Bulat dan Majlis Penyerahan MoU (FSKM)



AYER KEROH, 25 Mac 2021 – Telah berlangsung sesi perbincangan meja bulat dan Majlis Penyerahan MoU dirasmikan oleh YBhg. Rektor, Profesor Dr Abd Halim Mohd Noor bertempat di Ames Hotel, Melaka. Program ini dijalankan oleh Fakulti Sains Komputer dan Matematik di bawah program CS266 Sarjana Muda Sistem Maklumat (Kepujian) Kejuruteraan Sistem Maklumat (3u1i) bersama 10 rakan strategik industri yang terlibat iaitu:

1) HeiTech Padu Berhad,

2) INFOPRO Sdn. Bhd..

3) AMTIS Solution Sdn. Bhd.,

4) Wahdah Technologies Sdn. Bhd.,

5) Cloud Connect Sdn. Bhd.,

6) DNSVault Sdn. Bhd.,

7) IX Telecom Sdn. Bhd.,

8) KATSANA Holdings Sdn. Bhd.,

9) Silentmode Sdn. Bhd., dan

10) Macro Tech Ventures Sdn. Bhd.

Majlis yang dijalankan ini bertujuan untuk membuat perbincangan terperinci berkenaan penglibatan industri sebagai Penyelia Industri dan penilaian pelajar.

Turut hadir Barisan Pengurusan Eksekutif UiTM Cawangan Melaka, Ketua Pusat Pengajian, Ketua Fakulti serta Pensyarah-Pensyarah Fakulti Sains Komputer & Matematik.






# Kunjungan Hormat dan Lawatan Kerja ke Lembaga Zakat Negeri Kedah, Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), UUM dan Zakat Pulau Pinang












KEDAH, 29 Mac 2021 - Kunjungan Hormat dan Lawatan kerja YBhg. Rektor serta delegasi CIPSF dan El-Wazif ke Lembaga Zakat Negeri Kedah, Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), UUM dan Zakat Pulau Pinang.

Lawatan kerja ini dijalankan bagi memperkasakan jaringan industri dan kolaborasi penyelidikan serta sesi perbincangan mengenai peranan institusi kewangan sosial Islam dalam menangani isu-isu berkaitan kelestarian pembangunan dan sosioekonomi masyarakat berserta penjagaan alam sekitar.

# Sesi ke-2 pembentangan Projek Khas PACU



AYER KEROH, 26 Mac 2021 – Telah berlangsung sesi ke-2 pembentangan Projek Khas PACU, UiTM Cawangan Melaka yang bertempat di Seri Negeri, Melaka bersama YBhg. Datuk Dr. Sabri Mohamad Sharif, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Tun Perak.

PACU adalah singkatan daripada "Profesional, Attachment, Community, University" yang merupakan projek komuniti berimpak tinggi yang berkolaborasi dengan Kerajaan Negeri Melaka untuk memenuhi slogan baharu negeri Melaka iaitu "Melakaku Maju Jaya Rakyat Bahagia Menggamit Dunia".



Turut hadir ke sesi tersebut Profesor Dr. Abd Halim Mohd Noor, Rektor UiTM Melaka, Profesor Ts Dr. Shafinar Ismail, Timbalan Rektor Bahagian Penyelidikan & Jaringan Industri (PJI), Encik Soo Yew Phong, Koordinator ICAN, Cik Nurul Fatinah Dellah, Penyelaras Jaringan Negeri bersama-sama kumpulan penyelidik dari UiTM Cawangan Melaka.

Enam projek di bawah PACU yang dikendalikan oleh enam Entiti Kecemerlangan (EK) yang terpilih adalah:

1) Lendu International Art Community #Pascacovid

2) Pembangunan Modul Sivik Ketika Waktu Rehat Bagi Pelajar Sekolah Rendah: Ke Arah Kelestarian Kesedaran Sivik Masyarakat Negeri Melaka

3) Strategi Pemulihan Industri Pelancongan Tempatan Melalui Modul Latihan Pembangunan Produk Kepada Pengusaha Bot Kecil Di Pesisir Pantai Negeri Melaka

4) Aplikasi Permainan Bagi Mempromosi Makan Tradisi Melaka Kepada Gen-Z

5) Bijak Kira-Kira, Kewangan Terurus: Bimbingan Kursus Secara Amali Dan Praktikal

6) Projek Ternakan Kelulut: Asnaf Daerah Alor Gajah, Melaka.

Majlis Persaraan

# Mantan JKEN UiTM Cawangan Melaka sentiasa dalam ingatan




ALOR GAJAH, 23 Mac 2021 - Telah berlangsung Majlis Sanjungan Budi mantan JKEN UiTM Cawangan Melaka, Encik Md Jasmin bin Bongkik (Timbalan Bendahari) dan Puan Rozaimah binti Mat Sidek (Timbalan Ketua Pustakawan) di Dewan Taming Sari, UiTM Kampus Alor Gajah.

Selamat bersara diucapkan kepada kedua-dua mantan JKEN yang telah banyak berjasa kepada UiTM Cawangan Melaka.







# Ucapan Tahniah
## Kejayaan warga universiti


Setinggi-tinggi
Tahniah
atas pemasyhuran sebagai
CANSELOR
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
kepada
TUAN YANG TERUTAMA TUN SERI SETIA
(DR.) HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA
Ikhlas Daripada
Rektor, Pengurusan Eksekutif
dan Seluruh Warga UiTM Cawangan Melaka
Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Congratulations
YBhg. Prof. Dato' Dr Rahmat Mohamad
Deputy Vice-Chancellor
(Industry, Community & Alumni Network)
on being appointed as
Deputy Election Officer
of IUCN's World Conservation Congress
in Marseille, France
Warm wishes,
UiTM Fraternity
Unleashing Potentials
Shaping the Future


Tahniah
DR. INTAN MAIZURA ABDUL RASHID
PENSYARAH KANAN FPP
atas pelantikan sebagai
PENSYARAH PELAWAT ANTARABANGSA
YARMOUK UNIVERSITY, JORDAN (1 TAHUN)
dan
PENERIMA GERAN KOLABORASI
ANTARABANGSA RM34,000.00 (JOD5,860.00)
Ikhlas Daripada
Rektor, Pengurusan Eksekutif
dan Warga UiTM Cawangan Melaka
Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

# Siri Bengkel & Webinar
Universiti

Siri Bengkel & **Webinar**

# Sharing Session
# Invention and Innovation 2021








ALOR GAJAH, 23 Mac 2021 - Unit for Curriculum Affairs and Academic Development (UCAAD) telah mengadakan program "Sharing Session Invention and Innovation 2021" secara dalam talian di platform Google Meet.

Seramai 4 orang penceramah dari UiTM Cawangan Melaka telah berkongsi pengalaman dalam penemuan dan inovasi iaitu:

1) Encik Mohamad Idham Hj Md Razak, pemenang EMAS ITEX 2020,

2) Puan Aini Qamariah Mohd Yusof, pemenang PERAK bagi ITEX 2020 dan EMAS untuk IIDEX 2020.

3) Ustaz Mohamad Shafiei Ayub, pemenang EMAS IIDEX 2020 dan

4) Dr. Nur Melissa Mohammad Faizal Wee, pemenang EMAS IIDEX 2020

Program ini dianjurkan bagi membantu pensyarah mengasah kemahiran menghasilkan produk inovasi berdasarkan bidang kepakaran yang menyokong kursus atau program TVET Universiti. Ia juga membantu pensyarah dalam merancang pembangunan produk inovasi yang dapat memberi manfaat dan faedah kepada komuniti.

Diharap program ini dapat meningkatkan bilangan produk inovasi, peningkatan kepada pencapaian petunjuk prestasi (PI) dalam meningkatkan bilangan "High-End TVET" dan program TVET. Ia juga sekaligus diharap memberi faedah kepada komuniti.

# Bengkel 'How to Use Google Drive & Other Google Apps Efficiently'







ALOR GAJAH, 23 Mac 2021 – Seramai 25 orang peserta dari pelbagai fakulti telah menyertai bengkel tersebut. Bengkel 'How to Use Google Drive & Other Google Apps Efficiently' bertempat di Makmal Komputer 9, KPP1, UiTM Kampus Alor Gajah anjuran Unit Hal Ehwal Kurikulum dan Pembangunan Akademik (UCAAD).

Bengkel ini disampaikan oleh Dr. Siti Feirusz Ahmad Fesol, Pensyarah Kanan Fakulti Sains Komputer dan Matematik untuk membantu peserta memahami pelbagai fungsi Google Apps supaya tugasan dapat dilakukan dengan lebih teratur, cepat dan efisien.

Diharap bengkel ini dapat membantu para pensyarah mengoptimumkan kemudahan Google Suite yang telah dilanggan oleh UiTM.

# Webinar Borak Accounting: 'Finding the Right Route'



ALOR GAJAH, 07 Mac 2021 – Telah berlangsung program Webinar Borak Accounting: 'Finding the Right Route' yang dilaksanakan pada 5 hingga 7 Mac 2021 secara atas talian (Cisco Webex) dengan penyertaan seramai 120 orang dari kalangan pelajar Diploma dan Ijazah Muda Perakaunan, para pensyarah, juga turut disertai oleh pelajar-pelajar dari Universitas Muhammadiyah Yogyakarta.

Program webinar yang diadakan secara bersiri ini adalah satu inisiatif Fakulti Perakaunan UiTM Cawangan Melaka bertujuan untuk menjadi platform perkongsian ilmu, pengalaman dan kejayaan warga alumni UiTM yang cemerlang dan berjaya dalam pelbagai sektor yang boleh dimanfaatkan kepada pelajar sebagai sumber inspirasi dan motivasi buat pelajar-pelajar yang akan bergraduat.

Seramai 8 orang panel telah dijemput dalam program bual bicara santai bagi merungkai persoalan yang diajukan pelajar mengenai hala tuju pengajian di peringkat seterusnya dan pilihan kerjaya selepas bergraduat.

Alumni Diploma dari UiTMCM yang kini meneruskan pengajian di Ijazah Sarjana Muda Perakaunan di UiTM iaitu Saudara Zaimal Md Jamal, Saudari Nur Sakinah Mohd Hilmi dan Saudari Marsha Haniem Yahaya telah dijemput sebagai panel dalam program Borak Accounting Siri 1 dengan tema "Bijak Memilih". Siri 2 program yang bertemakan "Cabaran dan Seronoknya Bekerjaya" telah menampilkan saudara Hazli Johar, CA dan Abid Ibrahim yang berkongsi pengalaman dan tips bekerja di firma perakaunan.



Puan Ayu Afzan Makhatar, FCCA, Puan Intan Sharizat Ramli dan Encik Iskandar Tariq Alias, FCCA telah dijemput sebagai panel dalam Siri 3 bagi mengupas topik Accounting & Kerjaya. Peserta program memberi maklum balas yang positif dan antaranya merasakan program sangat berkesan dalam membantu pelajar membuat keputusan bagi menentukan hala tuju selepas pengajian dan mengharapkan penganjuran program sebegini di masa hadapan.

Program webinar ini telah dirasmikan oleh Dr. Hamidah Hj. Bani, Ketua Pusat Pengajian, Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Melaka. Pihak penganjur mengharapkan program webinar ini akan terus mendapat kesinambungannya pada masa akan datang bagi menjalin ukhuwah berterusan bersama para Alumni yang telah berjaya dan bagi memantapkan persediaan mahasiswa untuk ke peringkat yang seterusnya.









# Bengkel Pemantapan Seksyen Waqaf, Zakat dan Infaq

ALOR GAJAH, 31 Mac 2021 - Telah berlangsung Mesyuarat dan Bengkel Pemantapan Seksyen Waqaf, Zakat dan Infaq di bawah unit EL-WAZIF, UiTM Cawangan Melaka, pada 30 hingga 31 Mac 2021, bertempat di Institut Kepimpinan & Pembangunan (ILD), Nilai Negeri Sembilan.

Seramai 30 peserta telah menyertai bengkel dua hari ini bagi memperkasakan lagi peranan dan aktiviti waqaf, zakat dan infaq di UiTM Cawangan Melaka, seterusnya menjadikan UiTMCM sebagai contoh institusi yang cemerlang dalam pengurusan dan penglibatan menyeluruh warganya.

Bengkel anjuran unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), UiTM Cawangan Melaka ini turut menjemput Pengarah Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF), UiTM Shah Alam, Dr. Mohd Ashrof Zaki Yaakob bagi menyampaikan taklimat, dan berkongsi kejayaan ZAWAF Shah Alam yang telah menerima anugerah Prestasi Komitmen dan Pengurusan Terbaik 2020 oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Turut bersama dalam bengkel yang dirasmikan oleh Profesor Dr Abd Halim Mohd Noor, Rektor UiTM Cawangan Melaka ini ialah, Dato' Ts. Dr. Mohd Nor Hajar Hasrol Jono, Timbalan Rektor HEP, UiTMCM, Puan Nor Aishah Hj Husain, Timbalan Pendaftar Kanan, UiTMCM, PM Dr. S. Salahudin Suyurno, Ketua Pusat Pengajian ACIS, UiTMCM, Ustazah Kalthom Mohd Khalid, Timbalan Ketua Pegawai HEI, Ustaz Muaz Mohd Noor, Koordinator unit EL-WAZIF, UiTMCM, serta beberapa staf akademik dan pentadbiran.

# Siri Webinar : Jenayah Di Tempat Kerja













WEBINAR FILANTROPI
WAQAF DALAM KONTEKS IPT
"PERANAN DAN CABARAN SEMASA"
Anjuran Unit EL-WAZIF dengan kerjasama CIPSF
26 MAC 2021 | 10:00 ~ 11:00 AM
Ahli Panel
Moderator
Dr. Mohd Ashrof Zaki Yaakob
Dr. Mohd Faizal P.Rameli
Prof Madya Rawi Nordin
Ustaz Muaz Mohd Noor


Cawangan Melaka
WEBINAR FILANTROPI
WAQAF
DALAM KONTEKS IPT
Peranan & Cabaran Semasa
Anjuran Unit EL-WAZIF dengan kerjasama CIPSF
Ahli Panel
Moderator
Dr. Mohd Ashrof Zaki Yaakob
Pengarah Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF), UiTM Shah Alam Selangor
Ustaz Muaz Mohd Noor
Koordinator Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), UiTM Cawangan Melaka
Dr. Mohd Faizal P.Rameli
Koordinator ACIS, UiTM Cawangan Melaka
26 Mac 2021
Jumaat
10.00 ~ 11.00 pagi
YouTube & Facebook
UiTM Cawangan Melaka
Prof Madya Rawi Nordin
Pakar Rujuk unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), UiTM Cawangan Melaka
JAM LATIHAN & E-SIJIL DISEDIAKAN


Daurah Kitab Turath On-line
AL AQIDAH AS SUGHRO
24, 25 & 26 Mac 2021 (Rabu, Khamis & Jumaat) | 9.00 - 11.00 malam
Tempat : DI RUMAH MASING-MASING SECARA ON-LINE
(Guna aplikasi Google Meet, link akan diberikan di dalam group whatsapp)
Karangan : AS-SYEIKH MUHAMMAD BIN YUSUF AS-SANUSI
Pembimbing : DR. AHMAD ARIEF BIN ZULKIFLI
Pensyarah Kanan
Akedemi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi Mara (UiTM) Alor Gajah Melaka.
Anjuran : 1. Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Melaka
2. Universiti Teknologi Mara Uitm Alor gajah Melaka
3. Masjid arRasyidin Alor Gajah Melaka
4. Ahli Sunnah Research Group (ARG)
5. PINTAR Melaka
6. Pertubuhan Belia Dakwah ASWJ Malaysia
Harga Buku RM18.00
Sebarang pertanyaan : Ustaz Israfil (+60 13 655 3581) | Ustaz Roslan (+60 19 897 4353)
Selamat Bertalaqqi Dan Menuntut Ilmu


Cawangan Melaka
MARCH 18 THURSDAY
2.00 PM MYT
LIVE UiTM Cawangan Melaka YouTube Rasmi
FACULTY OF BUSINESS AND MANAGEMENT
GVIIDS 2021
GLOBAL VIRTUAL INVENTION, INNOVATION AND DESIGN SYMPOSIUM
FORUM
CHALLENGES AND OPPORTUNITIES OF DIGITALIZATION ON CREATIVITY & INNOVATION DURING COVID-19 PANDEMIC
Unleashing Potentials Shaping the Future


SIRI WEBINAR BERSAMA SPRM DAN PDRM
MENGENALI JENAYAH DI TEMPAT KERJA
10 MAC 2021 | RABU | MASA: 10.00 PAGI
SIARAN LANGSUNG UiTM CAWANGAN MELAKA
Kuiz dan Hadiah Menarik Disediakan
Anjuran : Money Laundering Research Group (MLRG) dan PTAR UiTM Cawangan Melaka


I-RoLE2021
INTERNATIONAL CONFERENCE OF RESEARCH ON LANGUAGE EDUCATION 2021
23 & 24 MARCH 2021
AKADEMI PENGAJIAN BAHASA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA
ENGAGING IN CHANGE: EMPOWERING LINGUISTICS, LITERATURE AND LANGUAGE
KEYNOTE SPEAKERS


southeastasia heritage
Tetty Ariyanto
Azwin Aksan
Dr. Nana
Apple Allison
Erina Loo
LIVE
Happy International Women's Day!
Women in Leadership: Achieving Equal Future in COVID-19 World
8th March 2021 | Monday
8:00pm (GMT+7) | 9:00pm (GMT+8)
Southeast Asia Heritage
NBS Channel #learnlivehope




Syabas dan Tahniah kepada semua pelajar EMBA UiTM Cawangan Melaka atas kecemerlangan Keputusan Peperiksaan Akhir Februari 2021.

**ANUGERAH SARJANA CEMERLANG (ASC)**

Natashah Binti Maarof

**ANUGERAH PASCA SISWAZAH FAKULTI (APF)**

1. Irsyad Harith Bin Razi
2. Nur Athirah Binti Mohamad Adip
3. Fatin Nadiah Binti Samsuddin
4. Haris Syarwani Bin Razali
5. Natashah Binti Maarof

Semoga terus cemerlang pada masa akan datang, memberi manfaat, motivasi dan semangat baru kepada generasi baru.

Jom Sertai Program EMBA di UiTM Melaka!

# KARISMA Virtual Edition 2021

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Kontinjen UiTM Cawangan Melaka di atas kejayaan menduduki antara 5 tangga teratas iaitu tempat keempat di dalam Karisma Virtual Edition 2021 yang tamat pada 2 Mac 2021.

Pasukan UiTM Cawangan Melaka telah meraih 1 pingat Emas, 2 pingat Perak dan 1 pingat Gangsa.

Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih diucapkan kepada pemain yang telah berusaha sehabis baik demi menaikkan nama UiTM Cawangan Melaka di dalam pertandingan ini.




| NO | KAMPUS | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1 | SELANGOR | 2 | 3 | 1 |
| 2 | JOHOR | 2 | 1 | 2 |
| 3 | SARAWAK | 2 | 1 | - |
| 4 | MELAKA | 1 | 2 | 1 |
| 5 | SHAH ALAM | 1 | 1 | 5 |
| 6 | KELANTAN | 1 | 1 | - |
| 7 | NEGERI SEMBILAN | 1 | - | 1 |
| 8 | TERENGGANU | 1 | - | 1 |
| 9 | PERAK | 1 | - | 1 |
| 10 | PAHANG | - | 2 | 2 |
| 11 | KEDAH | - | 1 | - |
| 12 | PERLIS | - | - | 2 |
| 13 | PULAU PINANG | - | - | - |
| 14 | SABAH | - | - | - |



Tecoma Fever

# Musim bunga "*Tecoma Tabebuia Rosea*"





"Selamat memulakan minggu baru dan semester baru **Mac-Jul 2021.**"

Indahnya ciptaan Tuhan dengan hamparan Bunga Tecoma di sekitar kawasan kampus UiTM Cawangan Melaka.

*Kredit gambar*
*Dr Abdul Rahim Ridzuan*
*En. Mohd Hanif Mohd Omar*





# Artikel / Liputan
Media

(Ruangan ini sengaja dibiarkan kosong)

Diterbitkan oleh:

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Melaka

eISSN 2785-8049

9 772785 804005